

# Samsudin nafi projek Putrajaya lembap

**Oleh Kadir Dikoh**

**P**UTRAJAYA: Projek pembangunan di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini dijangka semakin rancak sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) membabitkan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman, berkata ia sekali gus menidakkan dakwaan pembinaan projek pembangunan di sini lembap kononnya berikutan penangguhan beberapa projek 'mega' seperti kereta api laju, monorel dan masjid baru Putrajaya.

"Tidak timbul soal lambat, sebaliknya semua projek, berjalan rancak selama ini. Malah, masjid baru juga rancak dibina. Bagaimanapun, projek monorel belum dapat diteruskan dan ia dikendalikan terus Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

"Hakikatnya (selain monorel), tidak ada projek lain ditangguh. Banyak projek yang ada adalah sambungan kepada projek yang kita laksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8)," katanya kepada *Berita Harian*.

Selain pembinaan masjid baru di Presint 2, projek lain yang sedang rancak dibina ialah perumahan un-

kakitangan awam.

Projek sistem monorel bernilai RM400 juta pula diklasifikasikan sebagai projek Kerajaan Persekutuan. Mengikut perancangan, sistem monorel itu akan menghubungkan kawasan perumahan dan pejabat di pusat pentadbiran negara itu.

MTrans Monorail Sdn Bhd (MTrans) diberi tanggungjawab melaksanakan projek itu, yang dijadualkan mengambil masa 30 bulan bagi membina 12 stesen termasuk tujuh di bawah tanah dan landasan.

Stesennya akan dibina di Presint 9, Presint 14, Hospital Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya

(PICC), Masjid Putra dan Pusat Beli-Belah Alamanda serta Kementerian Pelajaran (Parcel E).

Samsudin berkata, projek pembinaan Presint Diplomatik iaitu kawasan eksklusif diplomat juga hampir siap dengan rumah dan bangunan komersial hampir habis ditempah.

Katanya, 24 negara bersetuju menempatkan pejabat kedutaan masing-masing di Presint Diplomatik termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Nigeria, Kuwait, Namibia, Algeria, Syria, Afghanistan, Kazakhstan, Oman, Iran, Sudan, Libya, Ghana, Yemen, Filipina, Brunei, Qatar, Pakistan, Mesir, Iraq, Arab Saudi, Turki dan Laos.